

SIARAN MEDIA

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH CIPTA ALAT BANTU MENGAJAR DAN PERMAINAN BRAILLE

PUTRAJAYA, 19 JUN 2023 – Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) berjaya menghasilkan alat bantu mengajar (ABM) Panduan Fardu Ain dan permainan Sozler Braille bagi kegunaan kanak-kanak dan pelajar kelainan upaya (OKU) penglihatan.

Produk yang dipercayai pertama kali dihasilkan itu dibangunkan oleh sekumpulan pensyarah dan pelajar PSA dengan kerjasama Persatuan Orang - Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18 (1).

Menurut Pengarah PSA Dr. Norhayati Zakaria, idea untuk menghasilkan produk tersebut tercetus apabila menyedari ABM dan permainan bagi golongan berkenaan sangat terhad khususnya berkaitan Pendidikan Islam.

“Ini adalah salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami melalui projek inovasi dan kolaborasi bersama industri untuk kegunaan komuniti di samping turut memartabatkan Pendidikan Islam serta tulisan jawi dalam kalangan OKU penglihatan,”

“PSA akan memperluas fungsi alat ini dan menambah baik mengikut kesesuaian pada masa akan datang. Semoga alat yang dihasilkan ini dapat memberi manfaat kepada anak-anak, pihak sekolah serta ibu bapa,” ujarnya yang ditemui selepas Majlis Penyerahan Braille Panduan Fardu Ain dan Sozler Braille kepada Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18 (1) di sini hari ini.

Turut hadir Guru Besar Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18 (1) Rozi Hassan, Pengerusi Operasi PERTIS Zamzuri Ghani, Timbalan Pengarah Akademik PSA, Ts. Dr. Ahmad Aftas Azman dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PSA Mohd Mubarak Shamsuddin.

Penolong Kanan Pendidikan Khas Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18 (1) Ahmad Bustamam Mohd Ali berkata, pihaknya sangat mengalu-alukan inisiatif yang diambil khususnya dalam membantu pembelajaran para pelajar OKU penglihatan.

“Alat ini sangat bagus dan sangat dinanti-nantikan sebab sukar untuk dapat. Jika adapun sangat mahal kerana kebanyakannya dihasilkan di luar negara. Untuk Pendidikan Islam ini adalah pertama kali kita jumpa,”

“Bila PSA datang bersama PERTIS saya sangat terharu. Di Malaysia jarang nak jumpa produk CSR untuk OKU buta. Sebenarnya banyak lagi dalam dunia OKU yang kita perlukan. Kebanyakan orang buat kerana bisnes tetapi PSA buat kerana CSR untuk bantu OKU,” ujar Ahmad Bustamam.

Sementara itu, Zamzuri Ghani berkata, pihaknya menyambut baik produk yang dihasilkan dan akan terus memberi sokongan serta berharap produk tersebut dapat diperluas dan dikembangkan untuk kegunaan pelbagai peringkat.

-TAMAT-

**Unit Komunikasi Korporat
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Kementerian Pendidikan Tinggi**

Untuk maklumat lanjut berhubung siaran media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat di talian 03- 5163 4000 samb. 1104 atau 012-9182497. Terima kasih.

MAKLUMAT PROJEK:



Braille Panduan Fardu Ain merupakan alat bantu mengajar dalam subjek Pendidikan Islam peringkat sekolah rendah yang berbentuk permainan braille yang boleh digunakan oleh guru dan ibu bapa untuk membantu anak-anak kelainan upaya (penglihatan) dalam pemahaman braille. Konsep permainan ini merangkumi tajuk asas fardu ain seperti panduan wudhu, panduan solat dan rukun iman dan rukun Islam. Produk ini boleh dimainkan dalam bentuk 'puzzle' malah aplikasi produk ini yang merangkumi manual penggunaan yang mudah, membolehkan ibu bapa untuk turut sama bermain dan memeriksa teks braille yang dibaca dan disusun oleh anak-anak mereka dengan mudah.

Pensyarah : En. Abdul Razli bin Abdul Rahman

Pelajar : Amirul Luqman bin Mat Yusoff, Muhamad Asyraf bin Izani dan Shahira binti Mohd Rosdi.



Sozler Braille terdiri daripada dua alat iaitu kotak sozler braille dan roda sozler braille. Produk ini merupakan alat permainan perkataan yang membantu pelajar menghafal huruf braille dan membina perkataan. Alat bantu mengajar ini boleh digunakan guru dan ibu bapa melakukan aktiviti belajar sambil bermain dalam suasana yang lebih menyenangkan. Produk ini dalam bentuk huruf braille dan disertakan dengan abjad bagi membantu ibu bapa yang tidak dapat membaca braille. Produk roda sozler membantu mereka yang baru belajar membina perkataan dalam satu suku kata. Ini secara tidak langsung menarik minat dan tumpuan kanak-kanak untuk minat membaca.

Pensyarah : En. Zullhyzrifee Ishraf bin Zulkipli

Pelajar : Muhammad Ashraf bin Hashim, Muhammad Nur Asyraaf bin Mohamad Toni, Nurul Arisya Putri binti Sulaiman dan Aizam Wafi bin Azuwan.